

**PENGLIBATAN PELAJAR SECARA AKTIF DALAM AKTIVITI
KOKURIKULUM DAN KESANNYA KEATAS PENCAPAIAN AKADEMIK.
SATU TINJAUAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKAN NANAS,
PONTIAN.**

AMINUDIN BIN ABDUL RAHMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PENGLIBATAN PELAJAR SECARA AKTIF DALAM AKTIVITI
KOKURIKULUM DAN KESANNYA KE ATAS PENCAPAIAN AKADEMIK.
SATU TINJAUAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKAN
NANAS, PONTIAN.**

AMINUDIN BIN ABDUL RAHMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGLIBATAN PELAJAR SECARA AKTIF DALAM KEGIATAN KO-
KURIKULUM DAN KESAN KE ATAS PENCAPAIAN AKADEMIK SATU
TINJAUAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PEKAN NANAS,
PONTIAN, JOHOR.

AMINUDIN BIN ABDUL RAHMAN

Laporan Projek ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan
(Kemahiran Hidup)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Pengakuan

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.


Tandatangan:  _____

Nama Penulis : Aminudin bin Abdul Rahman

Tarikh : 09 Mac.2004

Pengesahan penyelia

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup)”.

Tandatangan : 

Nama Penyelia : **YAHYA BUNTAT**

Tarikh : **10/03/04**

Buat isteriku tersayang Jumanah Abd. Karim, anak-anak
Muhammad Atiq, Muhammad Afiq, Muhammad Alif, Muhammad Asif
Yang sama-sama berkorban untuk kejayaan ini dengan penuh kesabaran.

PENGHARGAAN

Syukur Kehadrat Allah s.w.t. dengan rahmat dan limpahNya penulis dapat menyempurnakan Kajian Projek Sarjana Muda ini tanpa sebarang masalah dan halangan. Segala-galanya berjalan dengan lancar mengikut apa yang dirancang dan ditetapkan.

Penulis ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia Projek Sarjana Muda ini. Encik Yahya bin Buntat di atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan tanpa mengenal jemu sepanjang tempoh penyediaan projek ini.

Penulis juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah menghulurkan bantuan dan kerja sama secara langsung atau tidak langsung sehingga kajian ini dapat dihasilkan dengan jayanya.

ABSTRAK

Kajian ini cuba melihat sejauhmana penglibatan pelajar secara aktif dalam bidang kokurikulum memberi kesan kepada tahap pencapaian pelajar dalam bidang akademiknya. Ianya dilihat dari beberapa aspek tertentu seperti peringkat penglibatan, sikap pelajar terhadap aktiviti yang dirancangkan, pengurusan masa, minat dan tanggungjawab mereka terhadap kegiatan ko-kurikulum dan pencapaian akademik mereka.

Kajian ini dilaksanakan di sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nanas yang mempunyai pelajar seramai 1035 orang. Terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan peralihan hingga ke tingkatan lima. Populasi kajian diambil dari sekolah ini seramai 190 orang, tetapi hanya pelajar yang menyertai tidak kurang dari empat jenis aktiviti dalam kegiatan ko-kurikulum yang diambil sebagai sampel.

Data-data yang didapati, diproses dengan menggunakan 'Statistical Package For Social Sciences' (SPSS). Setiap bentuk item dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Terdapat juga analisis yang dilakukan secara manual. Setiap analisis yang dipersembahkan adalah dalam bentuk kekerapan dan peratusan.

Pengkaji mendapati pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti ko-kurikulum juga mempunyai pencapaian yang baik dalam akademik. Aktiviti-aktiviti yang disertai oleh pelajar-pelajar tersebut tidak memberi kesan yang negatif terhadap pencapaian akademik mereka..

ABSTRACT

The purpose of this study is to see how far active participants students in co-curricular activities effect their performance academically. In this study certain aspect such as the level of participation, students' attitude towards planned activities, time management, their interest in co-curricular activities as well as academic achievements are considered thoroughly.

This study is carried out in Sekolah Menengah Kebangsaan Pekan Nanas, Johor which has 1035 students ranging from remove classes to form five. A sample population is 190 students from the school are chosen with the condition that they participate in not less that 4 types of co-curriculum activities.

The accumulated data are processed with Statistical Package For Social Sciences (SPSS). Every item in this study is analysed and presented in tables. There are, however, some items that are processed manually. Every analysis presented is in the form of frequency and percentile.

The study finds that students that are active in co-curricular activities are also mainly academic achievers. Therefore it can be safely said that activeness in co-curricular does not have negative effects on students academic achievement.

JADUAL KANDUNGAN

Judul	i
Pengakuan	ii
Pengesahan Pensyarah	iii
Dedikasi	iv
Penghargaan	v
Abstrak	vi
Abstract	vii
Jadual Kandungan	viii
Senarai Jadual	xi

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Skop dan Batasan Kajian	9
	1.8 Definisi Istilah	11
2	SOROTAN KAJIAN	
	2.1 Pengenalan	14
	2.2 Kajian-Kajian Lepas	20
	2.3 Kesimpulan	21

3	METADOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	22
3.2	Reka Bentuk Kajian	22
3.3	Populasi Kajian	23
3.4	Tempat Kajian	23
3.5	Sampel Kajian	24
3.6	Instrumen Kajian	24
3.7	Prosedur Kajian	27
3.8	Analisa Data	27
3.9	Jangka Masa Kajian	28
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	30
4.2	Bahagian A: Maklumat Diri Responden	31
4.2.1	Jantina	31
4.2.2	Kelas (aliran) yang diduduki sekarang	32
4.2.3	Bangsa	33
4.3	Bahagian B	34
4.3.1	Aktiviti Yang Di sertai	34
4.3.2	Jawatan Yang Di Sandang	37
4.3.3	Tahap pencapaian Aktiviti	38
4.3.4	Keputusan Peperiksaan Dalam PMR	39

4.4	Bahagian C: Analisis Persoalan	40
4.4.1	Aspek Sikap	41
4.4.2	Aspek Minat	43
4.4.3	Aspek Pengurusan Masa	45
4.4.4	Aspek Insentif	47
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN.	48
5.1	Pengenalan	48
5.2	Rumusan	49
5.3	Perbincangan	53
5.4	Cadangan	54
5.5	Cadangan Kajian lanjutan	56
5.6	Penutup	57
	BIBLIOGRAFI	58
	LAMPIRAN-LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

		Muka surat
Jadual 1	Taburan responden mengikut jantina	32
Jadual 2	Taburan responden mengikut kelas (aliran)	32
Jadual 3	Taburan responden mengikut bangsa	33
Jadual 4	Taburan menunjukkan jenis-jenis aktiviti yang telah disertai oleh responden dalam kegiatan Unit Beruniform.	34
Jadual 5	Taburan menunjukkan penglibatan responden di dalam kegiatan ko-kurikulum Persatuan dan Kelab.	35
Jadual 6	Taburan menunjukkan responden yang melibatkan diri di dalam kegiatan ko-kurikulum Sukan dan Permainan.	36
Jadual 7	Taburan menunjukkan responden yang menyandang Jawatan dalam kegiatan ko-kurikulum.	37
Jadual 8	Menunjukkan taburan pencapaian responden dalam yang mereka sertai.	38
Jadual 9	Menunjukkan taburan tahap pencapaian responden dalam akademik.	39

Jadual 10	Taburan analisis dari aspek sikap responden	40
Jadual 11	Taburan analisis soal selidik dari aspek minat responden.	42
Jadual 12	Taburan analisis soal selidik dari aspek pengurusan masa responden	44
Jadual 13	Taburan analisis soal selidik dari aspek insentif	46
Jadual 14	Taburan analisis jumlah aktiviti, peringkat pencapaian akademik responden.	48

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kokurikulum sudah sekian lama wujud di sekolah di Malaysia mengikut Peraturan Kursus Pengajian, Akta Pelajaran, 1956. Selama ini perancangan, pentadbiran dan pengelolaannya dijalankan sambil lewa kerana penumpuan utama diberi kepada mata pelajaran akademik sahaja. (Mohamed Nor 1985). Akibatnya, kurikulum sekolah di Malaysia seperti yang banyak digambarkan oleh pengkritik-pengkritik, terlalu berorientasikan pencapaian akademik. (Faridah Karim, 1981). Oleh sebab itu ibu bapa selalunya menghendaki anak-anak mereka menumpukan perhatian sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti akademik yang terdapat di dalam bilik darjah, manakala aktiviti kokurikulum diabaikan, lebih-lebih lagi bagi murid-murid yang berada di kelas peperiksaan. News Straits Time, (18 Ogos 1985)

Justeru itu pendidikan merupakan satu aset yang sangat penting bagi membangunkan sesebuah negara. Perancangan pendidikan yang telah disediakan menitik beratkan keperluan negara menerusi kurikulum yang mencerminkan kehendak sesebuah negara. Sekolah berfungsi sebagai sebuah institusi yang menyediakan aktiviti dan pengalaman pengajaran dan pembelajaran.

Aktiviti dan pengalaman tersebut dilakukan sama ada di dalam atau diluar bilik darjah. Dua konsep yang sentiasa dikaitkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah kurikulum dan kokurikulum. Kurikulum ialah proses pembelajaran dan aktiviti pendidikan yang berlaku di dalam bilik darjah atau lebih dikenali sebagai mata pelajaran akademik. Kokurikulum merupakan teras dalam sistem pendidikan yang diamalkan di negara kita. Sebahagian besar proses pembelajaran dan aktiviti pendidikan tersebut dilaksanakan dalam bilik darjah.

Kementerian Pendidikan (1989), menyatakan gerak kerja ko-kurikulum adalah gerak kerja yang bercorak pendidikan dan menyediakan pengalaman-pengalaman pembelajaran. Gerak kerja kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah dan setiap pelajar perlu melibatkan diri. Mengikut Md. Idris Mansor (1985), kokurikulum adalah satu bidang pelajaran yang berasaskan pelbagai gerak kerja terancang dan perlu dilakukan dalam masa persekolahan.

Gerak kerja kokurikulum berasaskan pada mata pelajaran akademik atau tidak berasaskan mata pelajaran akademik. Namun begitu sebahagian besar gerak kerja kokurikulum merangkumi pembelajaran yang bukan berasaskan mata pelajaran bukan akademik.

Secara amnya, kokurikulum adalah aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung atau tidak formal. Aktiviti kokurikulum lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya. Aktiviti ini juga dikenali sebagai kurikulum tersembunyi. Kebiasaannya aktiviti kokurikulum dilaksanakan pada waktu petang atau hujung minggu. Sesetengah aktiviti kokurikulum juga dilaksanakan di dalam bilik darjah, mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti seperti ceramah, kuiz, syarahan dan sebagainya.

1.2 Latar Belakang Masalah

Sepatutnya bidang kokurikulum dapat membantu murid-murid untuk maju dalam pelajarannya, kerana melalui kegiatan yang dijalankan oleh para murid secara tidak langsung akan memperolehi ilmu pengetahuan tanpa disedari (secara tidak formal). Dengan mengikuti aktiviti-aktiviti yang diadakan dapat membantu murid-murid dalam perkembangan dari aspek sahsiah, rohani, mental dan disiplin diri.

Laporan Jawatan Kuasa Kabinet (1979), memberi pengertian bahawa kokurikulum juga bertujuan melatih murid-murid supaya bersikap bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai.

Memandangkan kepentingan kokurikulum dalam proses pembelajaran dan menjadi alat untuk memenuhi hasrat unggul dasar pelajaran kebangsaan, maka Laporan Kabinet 1979 telah mengusulkan supaya semua murid digalakkan

mengambil bahagian secara aktif dalam kegiatan kokurikulum yang berunsurkan kebudayaan kebangsaan serta kegiatan sukan dan pasukan pakaian seragam (Perakuan 44, 50, 51 dan 53).

Azizah Nordin (1991) menyatakan kokurikulum memberi sumbangan kepada murid-murid dengan menyediakan peluang memperkembangkan minat dan menimbulkan minat baru. Menekankan konsep kepimpinan, persahabatan, kerjasama dan berdikari. Menggalakkan perkembangan moral dan kerohanian. Menguatkan fikiran dan kesihatan fizikal murid-murid. Menyediakan perkembangan pelajar yang menyeluruh dan melatih murid-murid untuk daya cipta sepenuhnya

Ab Alim Abdul Rahim (1999), menyatakan gerak kerja kokurikulum juga memaju dan mengembangkan minat, bakat dan kemahiran murid-murid dalam bidang tertentu. Di samping itu, ia memberi murid-murid pengalaman berinteraksi di antara satu sama lain sama ada di dalam sekolah atau di antara sekolah.

Azizah Nordin (1990) menyatakan kokurikulum sebenarnya bukanlah satu idea yang baru tetapi telah terabai disebabkan oleh kurangnya perhatian, perancangan dan penekanan yang diberi kepada bidang ini. Sehingga murid merasakan sekolah sebagai tempat yang sepi dan membosankan. Matlamat utama pendidikan menekankan kepada usaha mengembangkan potensi pelajar dari aspek sosial, kognitif, afektif dan psikomotor (matlamat KBSR dan KBSM) tidak terlaksana dengan sepenuhnya yang akhirnya lahirlah pelajar yang tidak seimbang antara rohani dan jasmani. Menyedari hakikat inilah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk menegaskan semua gerak kerja kokurikulum di sekolah-sekolah.

Penglibatan aktif pelajar dalam gerak kerja kokurikulum dan kesannya terhadap pencapaian akademik menjadi tumpuan pengkaji adalah bertujuan untuk melihat sama ada wujudnya kesan di antara penglibatan pelajar dalam kokurikulum dan pencapaian akademik memandangkan pada dasarnya gerak kerja kokurikulum itu sendiri memberi sumbangan yang positif dalam seluruh kehidupan pelajar.

Daripada kenyataan di atas, pengkaji merasa lebih yakin dan berminat untuk mengkaji hubungan penglibatan aktif pelajar dalam kokurikulum dan kesannya terhadap pencapaian akademik, dengan tujuan memberi keyakinan kepada masyarakat andaikata strategi pelaksanaan kegiatan kokurikulum itu berkesan maka matlamat pendidikan untuk mewujudkan individu yang kreatif, inovatif dan serba boleh bagi memenuhi keperluan individu itu sendiri dari segi ekonomi, politik dan sosial akan tercapai melalui satu sistem pendidikan yang seimbang di antara bidang kokurikulum dan akademik.

1.3. Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan menggalakkan pelajar-pelajar supaya aktif dalam pelibatan mereka terhadap aktiviti mereka dalam kokurikulum. Walau bagaimanapun tidak ramai pelajar yang berminat dan memberikan kerjasama kepada pihak sekolah untuk melaksanakan aktiviti kokurikulum kerana ia dianggap mengganggu konsentrasi pembelajaran mereka. Kedapatan juga para pelajar menganggap dengan melibatkan diri dalam kokurikulum akan menyekat pembelajaran mereka yang sepatutnya pada masa tersebut adalah masa untuk menjalankan aktiviti kurikulum.

Pelajar-pelajar juga tidak dapat melihat jaminan atau hasil yang boleh membantu kerjaya pelajar pada masa hadapan. Ini kerana pencapaian akademik yang baik tetap di ambil kira bagi mengukur sesuatu kejayaan untuk jaminan masa depan. Oleh itu pengkaji cuba melihat adakah penglibatan aktif pelajar dalam gerak kerja kokurikulum akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian pengkaji adalah seperti berikut:

- a. Menenalpasti jenis-jenis aktiviti yang diceburi oleh pelajar di dalam gerak kerja kokurikulum.
- b. Menenalpasti tahap pencapaian pelajar dalam bidang akademik dan juga aktiviti kokurikulum.
- c. Menenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam bidang akademik dan juga aktiviti kokurikulum.
- d. Melihat kesan penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum terhadap pencapaian akademik mereka.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini bertujuan untuk meninjau pelajar-pelajar yang aktif dalam aktiviti kokurikulum dan kesannya terhadap pencapaian akademik berdasarkan objektif kajian:

- a. Apakah jenis-jenis aktiviti yang diceburi oleh pelajar di dalam gerakkerja kokurikulum.
- b. Apakah tahap pencapaian pelajar yang aktif dalam ko-kurikulum terhadap bidang akademik mereka.
- c. Apakah tahap pencapaian pelajar dalam bidang kokurikulum yang diceburi.
- d. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam bidang akademik dan juga aktiviti kokurikulum.
- e. Adakah penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum memberi kesan kepada pencapaian akademik mereka.